

D722

U B893 AAB  
MAHATHIR - PENUNTUT  
OLEH WAN A. HULAIMI  
(I)

LONDON, 28 MEI (BERNAMA)-- NEGARA-NEGARA MAJU DENGAN MENUDUH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEBAGAI PUNCA KEROSAKAN ALAM SEKITAR TETAPI TIDAK MEMBERIKAN TUMPUAN KEPADA BAHAYA YANG BERPUNCA DARIPADA KEGIATAN MEREKA SENDIRI; KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KEPADA PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGUTUK KEGAGALAN NEGARA-NEGARA MAJU MENYEDARI TANGGUNGJAWAB MEREKA SENDIRI KEPADA KEROSAKAN ALAM SEKITAR SEMASA MENGHADIRI SATU PERHIMPUNAN KHAS HARI RAYA ANJURAN JABATAN PENUNTUT MALAYSIA SEMALAM SEMPENA LAWATAN TIDAK RASMI BELIAU KE SINI.

SOALAN DARIPADA SEORANG PENUNTUT MENGENAI PANDANGAN BELIAU TENTANG KEROSAKAN KEPADA LAPISAN OZON MEMBERI PELUANG KEPADA PERDANA MENTERI MENYELAR KUMPULAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR DI MALAYSIA DAN JUGA LUAR NEGERI.

+KAMI JUGA BIMBANG MENGENAI LAPISAN OZON. BAGAIMANAPUN, IA MENJADI SATU KEBIASAAN NEGARA MAJU UNTUK MENUDUH NEGARA MEMBANGUN. MEREKA BERKATA IA BERPUNCA DARIPADA EKSPLOITASI HUTAN-HUTAN KITA TETAPI MEREKA LUPA PENGGUNAAN CHLOROFLUOROCARBON (CFC), YANG MENJADI SALAH SATU PUNCA UTAMA,+ KATANYA.

BELIAU BERTANYA KEPADA PENUNTUT ITU MENGAPA TERDAPAT DEMONSTRASI BERHUBUNG HUTAN MALAYSIA TETAPI TIDAK BERHUBUNG PENGGUNAAN CFC OLEH NEGARA MAJU= DAN JUGA MENGAPA TIDAK TERDAPAT DEMONSTRASI TERHADAP EKSPLOITASI SECARA KOMERSIL KAWASAN HUTAN YANG LEBIH BESAR DI AMERIKA SYARIKAT DAN KANADA. -- LAGI

1612MST 28 05 89

U B894 AAB  
MAHATHIR - PENUNTUT 2 LONDON

DR MAHATHIR BERKATA TERDAPAT BEBERAPA PERTUBUHAN SOSIAL DI MALAYSIA YANG MENYERTAI RAKAN-RAKAN (SEBERANG LAUT) MEREKA DALAM DEMONSTRASI TERHADAP MALAYSIA.

+MEREKA GEMBIRA MENGUTUK NEGARA MEREKA SENDIRI TETAPI TIDAK PERNAH MENKRITIK NEGARA LAIN. INI MENDUKACITAKAN,+ KATANYA.

KATANYA, KETIKA MENAIKI HELIKOPTER KE NORWICH (DI TIMUR LAUT ENGLAND) AWAL HARI ITU, BELIAU MENDAPATI KEKURANGAN HUTAN DI ENGLAND +TETAPI MEREKA MASIH MEMBERITAHU KITA SUPAYA JANGAN MENEBAH HUTAN MALAYSIA KERANA ANCAMAN KEPADA LAPISAN OZON.+

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PENUNTUT ITU BAHAWA BELIAU TERLALU MENGAMBIL BERAT TERHADAP ALAM SEKITAR TETAPI BELIAU TIDAK MENGAMBIL KISAH SANGAT TENTANG +PELINDUNG ALAM SEKITAR PALSU+ YANG SERANGAN MEREKA KE ATAS MALAYSIA MERUPAKAN MUSLIHAT BERHUBUNG DAGANGAN KAYU TROPIKA MEREKA.

DI MALAYSIA +KITA BERHATI-HATI UNTUK MEMOTONG POKOK YANG MATANG,+ KATANYA, TETAPI MALAYSIA SAHAJA YANG DISERANG DAN TIDAK THAILAND ATAU FILIPINA YAN JUGA MENEBAH HUTAN MEREKA. -- LAGI

1614MST 28 05 89

U B895 AAB  
MAHATHIR - PENUNTUT 3 LONDON

BELIAU BERKATA MEREKA JUGA MAHU MENGEKALKAN CARA HIDUP KAUM PENAN DI SARAWAK, YANG SERBA KEKURANGAN DAN MEMPUNYAI JANGKA MASA HIUDP KIRA-KIRA 40 TAHUN MANAKALA DI BAHAGIAN LAIN MALAYSIA, RAKYATNYA HIDUP SEHINGGA KIRA-KIRA 60 TAHUN.

+MEREKA SENDIRI TIDAK MAHU HIDUP SEPerti ITU TETAPI MEREKA MENYURUH KITA MEMBIARKAN KAUM PENAN TERUS DALAM KEADAAN DEMIKIAN,+ TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU JUGA BERKATA KERAJAAN MENGAMBIL BERAT MENGENAI ALAM SEKITAR DI SABAH DAN SARAWAK YANG PERTANIAN SECARA BERPINDAH DIAMALKAN.

KATANYA: +KITA SEDANG CUBA MENGHENTIKAN CARA PERTANIAN SEPerti ITU. KAMI DI MALAYSIA SEDANG CUBA MENYELAMATKAN HUTAN, TIDAK ORANG YANG BERDEMONSTRASI.+

TERDAHULU ITU, BELIAU MEMBERITAHU PARA PENUNTUT BAHAWA MALAYSIA MEMPUNYAI MENTERI ALAM SEKITAR LAMA SEBELUM NEGARA-NEGARA LAIN DAN PERHATIANNYA KEPADA ALAM SEKITAR DITUNJUKKAN, MISALNYA, DALAM PENDIRIANNYA MENJADIKAN ANTARTIKA +MILIK BERSAMA+. -- LAGI  
1616MST 28 05 89

D725

U B896 AAB  
MAHATHIR - PENUNTUT 4 LONDON

AUSTRALIA, MISALNYA, YANG SEBELUM INI MENENTANG PENDIRIAN MALAYSIA DALAM MENGEKSPLOIT GALIAN DI SANA, MULAI MELIHAT +PANDANGAN KITA BERIKUTAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR DI ALASKA BARU-BARU INI+.

DALAM UCAPAN DAN SETERUSNYA DIALOG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERCAKAP MENGENAI DASAR EKONOMI BARU, PRESTASI EKONOMI NEGARA, PEMBAHAGIAN KEKAYAAN DI MALAYSIA, PERTEMUAN BELIAU DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI BRITAIN, PUAN MARGARET THATCHER SERTA PERTEMUAN RINGKAS BELIAU DI AMERIKA SYARIKAT DENGAN PRESIDEN GEORGE BUSH.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMUJI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH KERANA PERANANNYA DALAM KERJAYA BELIAU, DAN SOKONGAN +SANGAT PENTING+ YANG BELIAU TERIMA DARIPADANYA.

PENGHARGAAN KEPADA DATUK SERI DATIN PADUKA DR HASMAH DIBUAT SELEPAS BELIAU DITANYA OLEH SEORANG PENUNTUT SAMA ADA BELIAU MAHU MENGULAS KATA PEPATAH BAHAWA TERDAPAT SEORANG WANITA DISEBALIK KEJAYAAN SESEORANG LELAKI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJAWAB: +DIA TIDAK DI BELAKANG SAYA. NASIB BAIK ATAU NASIB TIDAK BAIK, BELIAU SELALU BERADA DI SISI SAYA. KAMI SENTIASA BEKERJASAMA.+ -- LAGI  
1618MST 28 05 89

D726

U B897 AAB  
MAHATHIR - PENUNTUT 5 LONDON

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM MASYARAKAT MALAYSIA PERANAN ISTERI ADALAH SANGAT PENTING DALAM POLITIK.

JIKA ISTERI MENJAUHKAN DIRI DARIPADA SUAMINYA, AHLI POLITIK ITU AKAN MENJADI TIDAK POPULAR, KATANYA.

+SAYA BERNASIB BAIK KERANA ISTERI SAYA MEMAHAMI, WALAUPUN BELIAU SENDIRI LEBIH SUKA MEMPUNYAI MASA YANG LEBIH UNTUK BERSAMA ANAK-ANAK,+ TAMBAHNYA. -- BERNAMA  
1619MST 28 05 89